

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN:

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kemampuan program Insentif Pengeluaran Getah (IPG) untuk meningkatkan pendapatan penoreh getah sejak ia dilaksanakan dan keberkesanan sistem tuntutan IPG dalam talian *e-rubber* dimanfaatkan oleh penoreh getah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) sejak tahun 2015 sebagai satu mekanisme sokongan harga ladang getah dengan tujuan untuk mengurangkan beban ekonomi pekebun kecil getah di samping menggalakkan mereka untuk terus menoreh sewaktu harga rendah di pasaran. Paras Harga Pengaktifan (PHP) IPG pada masa ini akan teraktif apabila harga *Standard Malaysian Rubber* (SMR) 20 di bawah paras RM6.10 sekilogram atau harga getah sekerap di bawah RM2.50 sekilogram. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM317.88 juta sejak September 2015 sehingga Mei 2020 yang merangkumi 2.23 juta tuntutan oleh pekebun kecil.

SOALAN NO : 11

Pada 27 Jun 2020 yang lalu, YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah melancarkan aplikasi RRIMniaga yang merupakan inovasi terbaharu Lembaga Getah Malaysia (LGM). Secara asasnya, RRIMniaga adalah satu aplikasi telefon pintar bagi tujuan merekodkan urus niaga getah oleh pelesen/pembeli/peraih (*dealer*) bagi memudahkan urus niaga getah oleh pelesen/pembeli/peraih yang berdaftar dengan LGM. Aplikasi ini juga akan mempermudah aktiviti urus niaga getah sedia ada dan membolehkan proses transaksi getah berjalan dengan lancar dan telus bagi kebaikan semua pihak yang terlibat dalam urusan jual beli getah.

Di samping itu, RRIMniaga mempunyai kelebihan memandangkan ia dapat dihubungkan terus dengan sistem IPG (yang menyimpan data pekebun kecil) bagi setiap aktiviti urus niaga getah. Oleh itu, pekebun kecil akan mendapat manfaat IPG tanpa melalui proses konvensional kerana RRIMniaga merekod transaksi pembelian secara automatik dan mengeluarkan resit pembelian secara elektronik. Pekebun kecil tidak perlu lagi ke pejabat LGM untuk membuat permohonan IPG kerana IPG akan disalurkan terus ke akaun bank pemohon.

Oleh hal yang demikian, pendekatan ini diharap dapat memudahkan proses tuntutan IPG di kalangan pekebun kecil sekaligus memastikan pekebun kecil dapat menikmati insentif yang telah diperkenal oleh pihak Kerajaan bagi mendengar rintihan dan mengurangkan beban yang ditanggung oleh pekebun kecil semasa kejatuhan harga pasaran getah.

Sekian, terima kasih.